PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	06 DECEMBER 2016

Bersekongkol musuh tradisi mahu jatuhkan kerajaan

um - 6/12/2016

KUALA LUMPUR 5 Dis.– Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad bersekongkol dengan musuh tradisi beliau sendiri, DAP tidak sepatutnya berlaku semata-mata kerana mahu menjatuhkan kerajaan.

Malahan, Pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Prof. Madya Dr. Mohd. Fuad Mat Jali** berpendapat, DAP secara jelas mempergunakan Dr. Mahathir sebagai pemangkin untuk mempercepatkan kebangkitan kemarahan orang Melayu kepada UMNO.

Katanya, strategi itu digunakan bertujuan mengubah hala sokongan kepada DAP dan sekali gus bagi membuktikan kononnya parti itu bukan hanya memperjuangkan satu bangsa.

Beliau diminta mengulas penyebaran klip video seorang bekas ahli DAP, Hew Kuan Yau yang mendedahkan bahawa Dr. Mahathir adalah alat dan 'kuda tunggangan' parti itu untuk menjatuhkan Najib sebagaimana yang turut disiarkan semasa Perhimpunan Agung UMNO 2016, kelmarin.

MOHD. FUAD MAT JALI

TEO KOK SEONG

Mohd. Fuad berkata, orang Melayu sepatutnya sedar dan menilai sendiri kenyataan Kuan Yau itu jika tidak mahu merugikan nasib bangsa sendiri.

"Tindakan Dr. Mahathir merugikan Melayu dan sebuah pemerintahan negara Islam yang dibangunkan sekian lama oleh beliau sendiri. Kita harap semua orang Melayu fikirkan impaknya kepada nasib negara dan bangsa jika pakatan pembangkang yang diketuai DAP memerintah," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata, pada tahap umur Dr. Mahathir ketika ini, beliau sepatutnya menjadi penasihat kepada UMNO dan bukannya merobohkan parti itu dengan bersekongkol demi menjatuhkan kepimpinan Melayu Islam.

Sementara itu, ahli akademik, **Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong** berkata, kelakuan bekas Perdana Menteri itu begitu pelik kerana sepanjang kepemimpinan beliau satu ketika dahulu, Dr. Mahathir mengutuk keras parti berasaskan kaum Cina itu.